

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**BKT 301/4 - Protozoologi Perubatan dan Veterinar**

**Masa : [3 jam]**

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

1. (a) Berikan nama saintifik organisma yang menyebabkan penyakit-penyakit berikut:-
- i. heksamitosis dalam ayam belanda
  - ii. giardosis dalam anjing
  - iii. trikomonosis dalam lembu
  - iv. histomonosis dalam ayam
- (4 markah)
- (b) Bincang dan bandingkan patogenesis, diagnosis dan kawalan penyakit-penyakit heksamitosis dan histomonosis.
- (16 markah)
2. (a) Namakan dua genus koksidia yang terdapat dalam setiap:-
- i. haiwan ruminan
  - ii. haiwan karnivor
- (4 markah)
- (b) Terangkan bagaimana genus-genus tersebut dapat dibezakan semasa diagnosis dilakukan.
- (8 markah)
- (c) Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan kitar hidup satu haiwan koksidia bebiri, dengan penekanan ke atas proses-proses yang berlaku di tiga fasa utama iaitu skizogoni, gamogoni dan sporogoni.
- (8 markah)

3. Bincangkan kepentingan penyakit toksoplasmosis terhadap kesihatan manusia, dengan menyentuh aspek-aspek kitar hidup parasit, patogenesis penyakit, punca jangkitan manusia, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan jangkitan.

(20 markah)

4. Tuliskan nota pendek mengenai:-

- (a) zoonosis
- (b) makrosista
- (c) perumah paratenik
- (d) indeks limpa
- (e) hemazoin

(20 markah)

5. Bincang dan bandingkan patologi penyakit-penyakit manusia yang berikut:-

- (a) malaria
- (b) amebiasis
- (c) leishmaniasis
- (d) chagas

(20 markah)

...4/-

6. (a) Namakan dua spesies *Babesia* lembu.

(2 markah)

(b) Bincangkan epidemiologi dan kawalan penyakit babesiosis dalam lembu dengan menyentuh aspek-aspek (i) efek kawalan sengkunit ke atas insidens babesiosis, (ii) cara-cara bagaimana babesiosis akut boleh berlaku, dan (iii) kepentingan dan masalah vaksinasi dalam kawalan penyakit.

(18 markah)

-oooOooo-